

# Persiapkan siswa universiti ke dalam dunia perniagaan

UB 22.12.2017 BF

KOTA KINABALU: Agensi kerajaan dan swasta disarankan supaya mengambil pelbagai inisiatif dalam memberi pendedahan dan pengetahuan khusus tentang dunia perniagaan bagi membantu siswa universiti menceburi bidang itu kelak.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Rasid Mail berkata, ia bagi memastikan bakal graduan sentiasa peka akan perubahan dalam dunia sebenar serta lebih berdaya saing dalam pasaran modal insan.

"Antara isu yang sering dibangkitkan masyarakat adalah kepekaan siswa-siswi terhadap perkembangan semasa dan realiti keadaan sebenar di luar sana, yang mungkin disebabkan oleh tumpuan para pelajar yang



**ANTARA** pelajar yang hadir pada sesi perkongsian amalan perniagaan itu.

terlalu berfokuskan kepada hal ehwal akademik semata-mata.

"Dengan adanya program perkongsian ilmu misalnya, mereka berpeluang untuk bergerak selari dengan arus perkembangan semasa, sekali gus universiti mampu

menghasilkan bakal graduan yang benar-benar berkualiti melalui penguasaan ilmu di samping peka terhadap perkembangan semasa dan mampu mengadaptasi diri dengan arus perubahan," katanya.

Beliau berkata demikian

dalam teks ucapan perasmian sempena Majlis Perasmian Program 'Sesi Perkongsian Amalan Baik Peraturan (GRP): Pemodenan Lesen Perniagaan Negeri Sabah' yang disampaikan oleh Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS Prof Madya Dr Raman Noordin di Dewan Kuliah Pusat 1 UMS, pagi Khamis.

Menurut beliau, intipati sesi perkongsian amalan baik perniagaan itu amat relevan dengan keperluan siswa-siswi sebagai persiapan sebelum mereka terjun ke dalam dunia perniagaan kelak.

Terdahulu, Pengarah Bahagian Pembangunan Produktiviti dan Daya Saing, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Dr Haji Daud Talib ketika berucap menjelaskan inisiatif penganjuran program adalah

bagi membantu dan memberi panduan kepada komuniti perniagaan terutamanya mengenai maklumat, syarat dan peraturan yang perlu dipatuhi apabila menjalankan sebarang aktiviti perniagaan.

"Adalah diharapkan agar pembentangan daripada pihak Kementerian Kewangan Sabah, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan SME Corp dapat memberi maklumat kepada siswa dan bakal usahawan mengenai inisiatif dan sokongan kerajaan kepada rakyat dalam menjalankan perniagaan.

"Semoga inisiatif ini juga dapat meningkatkan lagi tadbir urus dan kawal selia berkaitan pelesenan perniagaan, serta meningkatkan kepercayaan orang awam terhadap integriti serta ketelusan kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat," katanya.



**RAMAN** (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Daud.